



**TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**MAJLIS FLAG-OFF: AIRASIA FARM
PENGHANTARAN HARUMANIS KE SABAH**

**30 APRIL 2021
9.00 PAGI**

**KUALA LUMPUR INTERNATIONAL AIRPORT (KLIA) 2
SEPANG, SELANGOR**

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi,

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

YANG BERBAHAGIA DATUK HASLINA ABDUL HAMID

Ketua Setiausaha, MAFI

YANG BERBAHAGIA DATUK KAMARUDIN MERANUN

Pengerusi Eksekutif airasia Group

YANG BERBAHAGIA TAN SRI TONY FERNANDES

Ketua Pegawai Eksekutif airasia Group

YANG BERUSAHA CIK AIREEN OMAR

Presiden airasia Digital

YANG BERUSAHA PUAN LALITHA SIVANASER

Pengurus Besar Airasia Farm

YANG BERUSAHA DATO' MOHD SHUKRIE MOHD SALLEH

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Malaysia Airports Holdings Berhad

Rakan-rakan media,

Tuan-tuan, puan-puan.

1. Saya berbesar hati pada pagi ini dapat sama-sama hadir di **Majlis Flag-Off: Airasia Farm Penghantaran Harumanis ke Sabah**. Ia merupakan **penghantaran pertama mangga Harumanis dari Perlis ke Kota Kinabalu, Sabah melalui penerbangan AirAsia**.
2. Ini mencerminkan satu lagi kejayaan Airasia Farm sebagai **satu platform yang benar-benar menghubungkan petani secara langsung dengan perniagaan berkaitan** dan memberikan mereka akses kepada pasaran yang lebih luas.
3. Airasia Farm yang dilancar pada Jun tahun lalu, yang pada masa itu dikenali sebagai OurFarm Airasia, telah terus berkembang dan saya bagi pihak MAFI, mengucapkan tahniah kepada Airasia Farm yang turut serta dalam pengedaran

mangga Harumanis. Usaha ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan pihak Kementerian untuk **mempromosi kempen 'Harumanis Kembali Lagi' yang telah saya lancarkan pada 11 April lepas di Kompleks Pertanian Bukit Temiang, Beseri Perlis.**

4. Untuk rekod, tahun ini, **Jabatan Pertanian menyasarkan hasil pengeluaran sebanyak 3,336 tan metrik mangga Harumanis bernilai RM66.7 juta di Perlis.** Daripada jumlah itu, dianggarkan sekitar 50 peratus akan dijual secara dalam talian melalui platform e-dagang seperti airasia food, airasia fresh dan agrobazaar online.
5. Justeru, **kerjasama MAFI dengan Airasia Farm bukan sahaja akan memperluas pengedaran Harumanis ke seluruh Malaysia, tetapi juga membawa buah mangga yang cukup eksklusif ini ke Sabah** buat pertama kalinya dalam skala yang besar sejajar dengan penekanan Kementerian terhadap sektor pertanian bernilai tinggi yang dapat mewujudkan peluang ekonomi untuk rakyat.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

6. Industri Harumanis bukan sahaja dapat **meningkatkan pendapatan kepada 2,415 pengusaha Harumanis di Perlis,** malah mempunyai impak yang besar terhadap ekonomi serta **industri hiliran berkaitan, agro-pelancongan dan rantaian bekalan di seluruh negara.** Selain itu, saya percaya ia dapat mewujudkan banyak peluang pekerjaan terutama kepada golongan anak muda dan sekaligus meminimalkan kadar pengangguran dalam negara.
7. Untuk itu, hari ini saya berbesar hati **merasmikan penghantaran pertama mangga Harumanis dari Perlis ke Kota Kinabalu, Sabah melalui penerbangan AirAsia yang disokong oleh cabang logistiknya, Teleport.** Saya juga dimaklumkan bahawa Airasia Farm akan turut mengedarkan mangga Harumanis yang asli ini kepada peruncit-peruncit utama di Kota Kinabalu untuk meningkatkan lagi penembusan produk ini di Sabah.

8. **Inisiatif yang dibuat melalui kaedah dalam dan luar talian ini sudah tentu akan memberi manfaat kepada seluruh rantai bekalan Harumanis.** Dengan inisiatif yang tepat dan bantuan menyeluruh daripada Airasia Farm dan pengedar-pengedar lain, saya percaya lebih ramai petani muda dan pengusaha makanan akan secara tidak langsung terdorong untuk menceburkan diri dalam industri Harumanis pada masa hadapan.

9. Ini amat penting kerana kita ingin meneroka lebih jauh potensi Harumanis **sebagai prospek eksport yang lebih menguntungkan dan memperluas pasaran ke negara-negara Eropah dalam tiga hingga empat tahun ke hadapan,** sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk terus memperkukuhkan sumbangan sektor ini kepada pertumbuhan ekonomi negara.

10. Akhir kata, MAFI berharap dapat **meneruskan kerjasama dengan para pemain industri yang lain sebagaimana inisiatif Airasia Farm** pada hari ini untuk terus mengembangkan industri mangga Harumanis sebagai sektor komersial yang kompetitif dan lestari pada masa hadapan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua pengusaha-pengusaha Harumanis Perlis dan semua rakyat Malaysia yang turut menyokong industri Harumanis kita.

Sekian, terima kasih.

***** TAMAT *****